

- The Borneo Post Online - <http://www.theborneopost.com> -

S'wak kurang doktor pakar

Posted By rajlira On 31st May 2008 @ 10:00 In Tempatan

K'jaan digesa isi segera kekosongan jawatan pakar di beberapa hospital

SANTUBONG: Kementerian Kesihatan digesa agar mengisi segera kekosongan jawatan doktor pakar berikutan kekurangan yang dihadapi di beberapa buah hospital di negeri ini demi memastikan rakyat dapat menikmati kemudahan kesihatan, kata Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud.

Beliau memberitahu, antara hospital bahagian yang meng-alami masalah kekurangan doktor pakar ialah di Sri Aman, Kapit dan Sarikei, manakala perkhidmatan doktor pakar hanya diperolehi di Hospital Umum Sarawak (HUS), Sibu, Miri dan Bintulu.

“Hospital-hospital ini memerlukan doktor pakar kerana mereka harus berkhidmat di kawasan yang luas.

“Jawatan Pegawai Perubatan juga kurang kerana hanya 510 jawatan daripada 1,334 pegawai perubatan diisi.

“Keadaan di klinik kesihatan juga mengalami masalah yang sama iaitu hanya 83 daripada 373 jawatan (22.2 peratus) saja telah diisi,” katanya sambil menambah, kekurangan itu akan memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan perlindungan kesihatan di Sarawak jika tidak ditangani segera.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian dan makan malam bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sempena Mesyuarat Agung Tahunan Ke-48 dan Mesyuarat Sainifik Tahunan, di sini malam semalam.

Ketua Menteri berkata, sejajar dengan dunia teknologi pada masa sekarang dengan lebih banyak penggunaan peralatan yang sofistikated dan prosedur, kita tidak harus mengetepikan sentuhan kemanusiaan dalam penjagaan pesakit, yang turut berkesan untuk membantu merawat penyakit secara efektif.

Dalam pada itu, Pehin Sri Taib juga menasihati doktor muda supaya tidak mengelak daripada ditugaskan berkhidmat di klinik-klinik luar bandar di negeri ini, sebaliknya menganggap ia sebagai latihan dan pengalaman berharga.

“Jangan cuba merayu untuk menolak tawaran yang diberi ke sana (klinik luar bandar), kerana pengalaman yang diperolehi apabila berkhidmat di hospital daerah dan klinik luar bandar tidak boleh diperolehi di mana-mana... saya yakin pengalaman itu boleh menjadikan anda sebagai doktor yang baik pada masa hadapan,” katanya.

Katanya, kerajaan sangat komited ke arah penggunaan teknologi maklumat (IT) sebagai jambatan penghubung kepada masyarakat secara keseluruhan melalui saluran gentian optik untuk menghu-bungkan semua kawasan bandar di Sarawak.

Selain memberi manfaat kepada pesakit, kata Pehin Sri Taib, IT juga boleh membantu menambah pengetahuan mengenai rawatan dan pencegahan penyakit secara asas.

“Doktor muda boleh mendapatkan panduan daripada doktor yang berpengalaman sekalipun mereka terpisah jauh kerana masalah geografi menerusi konsultasi menggunakan teknologi maklumat,” tambahnya.